

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/2

Kertas 2

November/Disember 2021

$2\frac{1}{2}$ jam

MODUL KECEMERLANGAN

PRINSIP PERAKAUNAN

TINGKATAN 5

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.
3. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.
4. Alat tulis perakaunan seperti Jurnal, Lejar dan Buku Tunai boleh digunakan jika perlu.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Tunjukkan kerja mengira. Ini mungkin membantu anda mendapat markah.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

[Kertas Soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak]

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan bentuk perniagaan.

Ciri-ciri Perniagaan	Bentuk Perniagaan
(i) Milikan antara 1 hingga 50 pemegang syer	
(ii) Pemilik dikenakan cukai pendapatan perorangan	

[2 markah]

- (b) Urus niaga yang diperoleh daripada Kedai Buku Wawasan.

Menerima cek RM8 400 daripada SMK Pelabuhan untuk membayar hutang RM8 500

Nyatakan kesan urus niaga di atas terhadap Aset, Liabiliti dan Ekuiti Pemilik

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan modal diterbit dan berbayar penuh Yakin Juara Berhad

5 000 000 unit syer biasa RM2 500 000

2 500 000 unit 6% syer keutamaan RM5 000 000

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen syer keutamaan dan 2 sen persyer kepada pemegang syer biasa.

(i) Hitung dividen syer keutamaan [1 markah]

(ii) Hitung dividen syer biasa [1 markah]

- (d) Catatan belian bahan pencuci dalam Belanjawan Kedai Dobi Bersih bagi tiga bulan berakhir 31 Oktober 2021.

Anggaran belian bahan pencuci berjumlah RM3 276

Sekiranya pembayaran sebenar belian bahan pencuci bagi tempoh Ogos hingga Oktober 2021 RM3 100

Bandingkan dapatan anggaran dengan sebenar, berikan pendapat anda. [2 markah]

- (e) Susan seorang peniaga dalam sebuah perniagaan milikan tunggal. Untung bersih perniagaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 ialah RM31 675.

kesilapan berikut dijumpai :

Akaun Komputer termasuk bayaran belanja membaiki komputer RM150.

- (i) Nyatakan kesan kesilapan berkenaan [1 *markah*]
(ii) Hitung untung bersih selepas pelarasan [1 *markah*]

2. Imbangan Duga berikut diambil daripada Perniagaan Sehati sebuah milikan tunggal pada 30 Jun 2021

Imbangan Duga Pada 30 Jun 2021

	Debit (RM)	Kredit(RM)
Modal		66 850
Perabot	6 400	
Tunai	74 00	
Kadar Bayaran	1 670	
Lengkapan	30 000	
Belian dan Jualan	120 000	198 500
Ambilan	750	
Hutang Lapuk	240	
Susut Nilai Berkumpul Lengkapan		3 000
Susut Nilai Berkumpul Perabot		320
Belanja am	6 500	
Insurans	2 150	
Promosi	430	
Gaji	11 000	
Pinjaman		13 500
Pulangan		350
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	32 800	16350
Inventori Pada 1 Julai 2020	24 000	
Diskaun	620	
Hutang lapuk pulih		460
Bank	42 000	
Peruntukan Hutang Ragu		1 600
Sewa	4 800	
Faedah atas pinjaman	200	
Belanja membaiki	820	
Alatan Pejabat	9 150	
	300 930	300 930

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori akhir dinilai seperti di bawah :
- | | <u>Harga kos</u> | <u>Harga Pasaran</u> |
|-----------------|------------------|----------------------|
| Kad Inventori 1 | RM15 400 | RM14 800 |
| Kad Inventori 2 | RM6 590 | RM7 350 |
- (ii) Satu nota debit RM 4 000 telah dihantar kepada pelanggan kerana invois terkurang caj.
- (iii) Peruntukan hutang ragu dianggarkan pada kadar 3% atas Akaun belum terima bersih .
- (iv) Pinjaman RM15 000 telah diperolehi pada 1 Januari 2021. Tempoh bayar balik adalah 5 tahun. Faedah atas pinjaman adalah 8 % setahun .
- (v) Penerimaan tunai hutang pelanggan sebanyak RM400 yang telah dihapus kira sebagai hutang lapuk pada tahun 2019 .
- (vi) Ambil barang RM 200 untuk kegunaan rumah kediaman terlupa direkod di mana-mana buku.
- (vii) Alatan pejabat yang dibeli pada 20 Jun 2021 termasuk belanja memperbaiki alatan pejabat RM150.
- (viii) Susut nilai bagi aset bukan semasa dikira berdasarkan polisi berikut:
- Lengkapan - 10% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan
- Perabot - 15% setahun menggunakan kaedah garis lurus.
- Alatan pejabat -25% setahun menggunakan kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021 [12 markah]

- 3 Berikut adalah ringkasan penerimaan dan pembayaran yang dikemukakan oleh Kelab Keluarga Ceria Taman Ria pada 31 Disember 2020.

Penerimaan:	RM
Yuran ahli :	
Tahun 2019 RM50	
Tahun 2020 RM9 950	10 150
Tahun 2021 RM150	
Yuran masuk	1 990
Derma	24 000
Jualan kantin	21 500
Pembayaran:	RM
Sewa rumah kelab	5 880
Perabot	4 500
Alat tulis	675
Akhbar dan majalah	420
Kadar bayaran	2 500
Upah pekerja kantin	3 000
Belian kantin	12 400
Pembekal minuman	3 600

Maklumat tambahan:

- i. Baki-baki pada:

	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Bank	2 795	?
Yuran belum terima	75	120
Yuran belum terperoleh	50	?
Perabot	6 000	9 700
Inventori kantin	1 600	1 970
Pembekal minuman	300	1 200
Sewa rumah kelab prabayar	440	-
Kadar bayaran belum bayar	30	80

- ii. 60% daripada kadar bayaran ialah untuk kantin.
 iii. Derma adalah untuk tabung bagi membina rumah kelab.
 iv. Yuran 2019 yang masih belum dikutip dianggap sebagai yuran lapuk.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Penerimaan dan Pembayaran [3 markah]
 (b) Akaun Yuran [4 markah]
 (c) Akaun Perdagangan Kantin bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 [5 markah]
 (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 [7 markah]
 (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021 [6 markah]

BAHAGIAN B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini

- 4 En. Hasif ialah pemilik kilang pelitup muka yang beroperasi di Kuantan, Pahang. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perusahaan Pelitup Muka Hasif bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

	RM
Inventori 1 Januari 2020:	
Bahan langsung	7 220
Barang siap	1 300
Alat-alat kecil kilang	1 180
Alat tulis	90
Kerja dalam proses 1 Januari 2020:	
Bahan langsung	1 200
Buruh langsung	1 420
Overhead	2 300
Belian :	
Bahan langsung	28 500
Barang siap	4 800
Alat-alat kecil kilang	1 130
Alat tulis	120
Pulangan bahan langsung	400
Upah langsung	20 040
Upah tak langsung	12 800
Angkutan masuk bahan langsung	160
Angkutan keluar	440
Mesin (kos)	70 000
Susut nilai terkumpul mesin	7 000
Jualan barang siap	150 000
Gaji pentadbir kilang	4 500
Gaji pentadbiran pejabat	2 350
Diskaun diberi	180
Alatan pejabat (kos)	9 200
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	920
Hak cipta	7 200
Kadar bayaran	4 100
Insurans	6 000
Sewa	12 500
Komisen jurujual	2 000
Pulangan jualan barang siap	500

Maklumat tambahan:

(i) Inventori 31 Disember 2020 :

	RM
Bahan langsung	920
Barang siap	2 300
Alat-alat kecil kilang	1 050
Alat tulis	130

(ii) Kerja dalam proses 31 Disember 2020:	RM
Bahan langsung	1 920
Buruh langsung	1 330
Overhed	1 030

(iii) Sewa tahunan ialah RM15 000.

(iv) Insurans dibayar setiap tahun bermula 1 Mei.

(v) Pulangan belian bahan langsung RM120 masih belum dicatatkan dalam mana-mana buku.

(vi) Upah langsung sebanyak RM1 300 tersalah catat dalam upah tak langsung.

(vii) Kaedah pengiraan susut nilai diperuntukkan seperti berikut:

Aset	Kaedah	Kadar
Mesin	Baki berkurangan	10%
Alatan Pejabat	Atas kos	5%

(viii) Agihan perbelanjaan bagi kilang dan pejabat adalah mengikut nisbah berikut:

	Kilang	:	Pejabat
Kadar bayaran	3	:	1
Sewa	1	:	1
Insurans	3	:	2
Alat tulis	1	:	1

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. [17 markah]
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. [3 markah]

5(a) Maklumat Jurnal dan Buku Tunai diperolehi daripada Peniagaan Alice

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2021			RM	RM
Okt 1	Tunai		400	
	Bank		8 500	
	Inventori		2 400	
	Alatan Pejabat		6 000	
	Wei Wei Enterprise		3 300	
	Tarshan Enterprise		440	
	Vivian Enterprise			4 500
	Modal			16 540
	(Aset , liabiliti dan ekuiti pemilik pada tarikh ini)			
Okt 15	Wei Wei Enterprise		240	
	Diskaun Diberi			240
	(Diskaun diberi dibatalkan)			
Okt 31	Hutang Lapuk		440	
	Tarshan Enterprise			440
	(Hutang lapuk dihapuskan)			
Okt 31	Hutang Ragu		58	
	Peruntukan Hutang Ragu			58
	(Wujudkan peruntukan hutang ragu)			

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank
2021		RM	RM	RM	2021		RM	RM	RM
Okt					Okt				
1	Baki b/b		400	8 500	4	Belian		330	
6	Wei Wei Enterprise	240		4 300	7	Vivian Enterprise	200		3 300
9	Jualan		480		11	Promosi			520
11	Komisen			770	12	Belanja am		40	
16	Wei Wei Enterprise			2100	15	Wei Wei Enterprise			4 300
18	Jualan		550		18	Richelle Enterprise	220		3 120
19	Tunai			1 200	19	Bank		1 200	
23	Jualan			1 240	22	Belian			1 900
25	Perniagaan Tiffany			2 200	25	Vivian Enterprise	145		2 660
26	Shanzay Enterprise	260		4 120	29	Gaji			2 560
30	Jualan		360		30	Insurans			990
					31	Baki h/b		220	5 080
		<u>500</u>	<u>1 790</u>	<u>24 430</u>			<u>565</u>	<u>1 790</u>	<u>24 430</u>
Nov 1	Baki b/b		220	5 080					

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2021		RM
Okt 6	Richelle Enterprise	4 200
16	Vivian Enterprise	2 200
29	Richelle Enterprise	3 100
31	Akaun Belian (Dt)	9500

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2021		RM
Okt 9	Wei Wei Enterprise	4 300
17	Perniagaan Tiffany	3 280
23	Shanzay Enterprise	2 440
25	Shanzay Enterprise	4 600
31	Akaun Jualan (Kt)	14620

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2021		RM
Okt 9	Richelle Enterprise	280
31	Akaun Pulangan Belian (Kt)	280

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2021		RM
Okt 12	Shanzay Enterprise	190
30	Wei Wei Enterprise	120
31	Akaun Pulangan Jualan (Dt)	310

Anda dikehendaki menyediakan :

- (i) Akaun Kawalan Belum Terima [8 markah]
- (ii) Akaun Kawalan Belum Bayar [5 markah]

- 5(b) Mawar Enterprise adalah pengeluar susu lembu segar strawberi berjenama Waddah di Kuantan, Pahang. Harga jualan satu paket minuman Waddah ialah RM4.50.

Anggaran kos pengeluaran Waddah adalah seperti berikut:

Butiran	RM
Susu segar	1.50 satu paket
Strawberi	0.20 satu paket
Lain-lain bahan	0.30 satu paket
Gaji buruh langsung	0.50satu paket
Susut nilai kilang	750.00
Kos overhed kilang	250.00

Anda dikehendaki :

- (i) Menghitung Titik Pulang Modal [2 markah]
- (ii) Berdasarkan jawapan anda di 5(i) di atas, Lukis Graf Titik Pulang Modal pada kertas graf yang disediakan di **Lampiran A** dengan menggunakan skala berikut:
- Paksi X - 2cm :100 paket
Paksi Y - 2cm : RM500

Anda perlu:

1. Labelkan semua garisan pada graf [3 markah]
2. Tunjukkan Titik Pulang Modal [1 markah]
3. Lorekkan Kawasan Untung atau rugi sekiranya Mawar Enterprise mensasarkan pengeluaran sebanyak 800 paket. [1 markah]

- 6.(a) Puan Azizah, seorang peniaga runcit tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Pada 3 Januari 2021 beliau meminta bantuan anda untuk menentukan prestasi perniagaannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Berikut ialah maklumat yang dibekal oleh Puan Azizah:

(1)	<u>1 Januari 2020</u>	<u>31 Disember 2020</u>
	RM	RM
Perabot	15 000	15 000
Kenderaan	10 000	18 000
Inventori	9 550	13 100
Bank	10 800	15 100
Akaun Belum Terima	9 600	10 700
Akaun Belum Bayar	5 600	7 400
Kadar bayaran prabayar	380	-
Gaji belum bayar	-	2 000
Pinjaman (Matang pada 31 Disember 2025)	15 000	12 600
Modal	34 730	?

- (2) Pemilik membeli kenderaan kedai menggunakan wang peribadi pada 28 Disember 2020. Aset tersebut disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (3) Perabot disusutnilaikan sebanyak 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (4) Pemilik membuat ambilan bernilai RM280 setiap bulan.
- (5) Peruntukan hutang ragu sebanyak 3% atas Akaun Belum Terima diwujudkan.
- (6) Faedah atas pinjaman dikenakan 5% atas pinjaman dan faedah ini masih belum dijelaskan.

Anda dikehendaki menyediakan:


- (i) Penyata Mengira Modal pada 31 Disember 2020. [9 markah]
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. [4 markah]
- (b) Azman Trading telah membeli kenderaan pada harga RM20 000 pada 1 Januari 2019. Susut nilai kenderaan telah ditetapkan pada 20% setahun atas kos. Pada 31 Disember 2020, Encik Azman mengambil keputusan untuk melupuskan kenderaan tersebut dengan harga RM15 000 secara tunai. Tempoh perakaunan berakhir pada setiap 31 Disember.

Anda dikehendaki menyediakan:(bagi tahun berakhir 31 Disember 2020)

- (i) Akaun Kenderaan [2 markah]
- (ii) Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan [3 markah]
- (iii) Akaun Pelupusan Kenderaan [2 markah]

Kertas Soalan Tamat

LAMPIRAN A



A Captain's Product

www.captain.com.my